

23 JUN 2002

PM S'PURA: ELOK DR MAHATHIR TARIK BALIK PELETAKKAN JAWATAN

SINGAPURA, 23 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong hari ini berkata penarikan balik peletakkan jawatan oleh rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Datuk Mahathir Mohamad merupakan tindakan yang baik.

"Saya rasa ia baik kerana beliau dipujuk oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menarik balik...kerana pada peringkat ini, rantau ini tidak mampu bertahan dengan satu lagi ketidaktentuan di negara lain selepas Indonesia. Ia sangat, sangat buruk untuk rantau ini," katanya.

Goh bercakap kepada pemberita Singapura pada satu majlis di sini.

Pemimpin Malaysia itu membuat pengumuman yang mengejutkan itu pada perhimpunan agung Umno tetapi ekor rayuan daripada anggota MT, termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Mahathir menarik balik peletakkan jawatannya.

-- BERNAMA

TCL LAT